



**KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH
(KO-NELAYAN)**

KEW.PA-27

No. Sebut harga : KONEL(HQ)300-7 BIL.01/2026

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PELUPUSAN ASET ALIH

Kementerian atau Jabatan:

KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH (KO-NELAYAN)

1. Tawaran adalah dipelawa dari pegawai awam negeri yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan	Lokasi Aset dan Alamat Jual Borang
1.	Lori Rigid Refridgerated Daihatsu Delta V58R-HS	SAA6925X	1	RM11,000.00	Tapak letak kenderaan Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Kota Kinabalu Tel : 088-294301/303 <u>Tempat keluar borang :</u> Urusetia Perolehan, Unit Pentadbiran, Bahagian Khidmat Pengurusan, Kota Kinabalu
2.	Lori Rigid Refridgerated Daihatsu Delta V58R-HS	SAA1673V	1	RM10,000.00	
3.	Lori Rigid Refridgerated Daihatsu Delta V58R-HS	SAA1672V	1	RM10,000.00	

2. Aset boleh dilihat pada 17 September 2026 hingga 23 September 2026 di antara jam 09.00 pagi hingga 05.00 petang di tapak letak kenderaan Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Kota Kinabalu.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga KONEL(HQ)300-7 BIL.01/2026 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**KO-NELAYAN, Aras 4, Blok A,
Wisma Pertanian Sabah, Jalan Tasik, Luyang,
Off Jalan Maktab Gaya, 88994, Kota Kinabalu, Sabah**

5. Tarikh tutup sebut harga pada 24 September 2026 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH (KO-NELAYAN)

KEW.PA-27

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **KO-NELAYAN**
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

PENGURUS BESAR KO-NELAYAN

Tarikh : 17 September 2026